

# Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil.1 Januari 2006/ Zulhijjah 1426H

ISSN 1675-1876 Naskah Percuma

## CIRI-CIRI BANDARAYA MAPAN

Pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara ini telah menyebabkan berkembangnya bandar-bandar di Malaysia. Kewujudan bandar raya ialah daripada proses pertambahan penduduk yang tinggi dan perkembangan kawasan yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang lebih baik serta tertumpunya pusat pentadbiran kerajaan. Taraf hidup yang tinggi di kawasan bandar raya menyebabkan penduduk hanya mementingkan kebendaan.

Namun begitu, perubahan bandar kepada bandar raya adalah disebabkan oleh perubahan saiz penduduk, perubahan guna tanah dan lanskap budaya, perubahan demografi dan nilai sosial serta perubahan ekonomi dan peluang perkerjaan dalam perkhidmatan, perniagaan dan perindustrian. Dengan ini, telah banyak berlakunya masalah sosial dan pencemaran alam sekitar di kawasan bandar raya.

Lantaran itu, kerajaan telah membuat dasar untuk melaksanakan pembangunan mampan bagi menyelesaikan masalah pembangunan yang dibuat tanpa memikirkan kepentingan alam sekitar. Isu pembangunan mampan juga telah dibincangkan dalam persidangan dunia di Johannesburg 2002 dan pelaksanaan Agenda 21 di dalam program tindakan untuk pembangunan mampan di Rio de Janeiro 1992.

Pembangunan mampan ialah suatu proses membuat reputasi bersama bagi memastikan bahawa aktiviti ekonomi, kebajikan manusia (termasuk kesihatan) dan ekosistem sama-sama diberi pertimbangan bersepadu bagi memastikan generasi



Bandaraya Kuala Lumpur yang semakin membangun. - Gambar Berita Bandaraya

kini dan akan datang dapat memenuhi keperluannya secara berterusan. Pembangunan mampan juga adalah untuk memastikan kewujudan bandar raya mampan alaf baru ini.

Bandar raya mampan merupakan bandar yang mampu mengekalkan pencapaian dalam pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal untuk selama-lamanya. Definisi bandar mampan yang dikemukakan oleh 'Research Triangle Institute (RTI)' ialah wilayah metropolitan yang boleh bersaing dengan jayanya di peringkat global tetapi masih boleh mengekalkan keunggulan budaya dan alam sekitarnya. Petunjuk bandar raya mampan merupakan alat pengukur yang boleh digunakan dengan berkesan untuk membolehkan mana-mana pihak berkepentingan menilai pencapaian komuniti tertentu. Ia juga merupakan maklumat yang menggambarkan apa yang berlaku di dalam sistem yang besar. Ia menerangkan pencapaian di dalam komuniti sama ada maju ke hadapan atau mundur, bertambah atau berkurang, bertambah baik atau merosot atau kekal sediakala berdasarkan kepada nilai tahun tertentu. Dengan ini, untuk mencapai

Bersambung ke muka surat 3

# Dari Meja Datuk Bandar



## Tekadkan Azam Di Tahun Baru

Masa itu berlalu begitu pantas dan tidak menunggu kita. Jika kita tidak bergerak sepanjang masa, kita akan ketinggalan dan terlepas banyak peluang. Tahun 2005 telah berlalu dan Tahun 2006 menjelang tiba. Eloklah kita renung kembali untuk melihat

kemajuan dan kelemahan kita di masa lepas dengan tujuan mencari kekuatan, azam dan mengorak langkah ke hadapan dengan keyakinan baru. Kita mesti membuang sifat yang tidak baik dan mengamalkan hidup dalam suasana yang saling bantu membantu untuk memajukan diri, keluarga dan negara Malaysia yang tercinta ini.

Telah menjadi tanggungjawab DBKL untuk memastikan segala fungsi, peranan dan kepentingan Kuala Lumpur sentiasa terjaga secara terbaik sebagai sebuah Ibu Kota Negara. DBKL akan terus berusaha untuk memastikan program pembangunan fizikal berjalan serentak dengan program pembangunan insan kerana kedua-duanya mempunyai hubungan timbalbalik untuk membentuk pembangunan seimbang.

Dengan perubahan yang telah berlaku dalam konteks globalisasi dan pertumbuhan nasional serta antarabangsa, DBKL telah menyediakan pelan struktur baru bagi Kuala Lumpur iaitu Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 dengan wawasan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia. Untuk menjadikannya satu realiti, kita perlu bersama-sama berusaha mewujudkan persekitaran hidup, persekitaran kerja, persekitaran niaga dan pengurusan bandar yang berkualiti tinggi, setanding dengan yang terbaik di dunia. Ini adalah satu tugas yang berat tetapi boleh dicapai dengan kerjasama dan sokongan semua pihak bagi mencorakkan kemajuan yang kita kehendaki.

Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menjadi warga negara yang baik, rajin bekerja, hormat menghormati, mesra, bertoleransi yang tinggi, bersatu padu, mematuhi undang-undang dan sentiasa menjaga keselesaan dan keselamatan negara. Kepada warga muda dan belia, saya berharap mereka sentiasa menjaga adat budaya kita, tidak melakukan gejala-gejala sosial yang tidak sihat, bersopan di jalan raya dan memelihara kemudahan-kemudahan awam yang disediakan. DBKL akan meningkatkan lagi program-program sosial

dan sukan kepada golongan sasaran ini bagi mengelakkkan mereka dari terjebak dalam gejala-gejala tidak sihat.

Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 telah dilancarkan pada awal tahun 2006 ini. Untuk itu, negara kita perlu sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan aman. Tanpa kerjasama dua hala daripada semua warga negara, sektor swasta dan sektor awam adalah mustahil untuk kita melaksanakan kempen ini. Saya berharap agar semua rakyat khususnya warga kota, perlu lebih bersikap mesra pelancong dan turut memainkan peranan untuk menjadi 'duta kecil' bagi bersama-sama mempromosikan Negara bukan sahaja di luar negara tetapi juga dalam Negara sendiri juga.

Sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan, DBKL akan terus memainkan peranannya untuk memastikan kawasan-kawasan tempat kunjungan ini bukan sahaja selesa malahan selamat. Kawasan-kawasan tumpuan pelancong seperti Jalan Petaling, Jalan Masjid India, Ain Arabia di Jalan Berangan dan sebagainya akan diperingkatkan lagi keselesaannya bagi memastikan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 ini mencapai matlamatnya. Aktiviti-aktiviti dan program-program pelancongan akan terus diatur sepanjang tahun oleh DBKL bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan pihak swasta untuk mempromosikan Kuala Lumpur sebagai pusat utama warisan kebudayaan negara, destinasi membeli belah, makanan dan hiburan, pusat pendidikan dan perubatan serta tempat persidangan, konvensyen dan pameran.

Adalah menjadi harapan saya dan sudah pasti anda semua agar negara ini dan Kuala Lumpur khususnya akan terus terpahat dalam peta pelancongan dunia sebagai sebuah destinasi yang mesti, selamat dan selesa dikunjungi pada bila-bila waktu. Harapan saya agar pada Tahun 2006 ini, Kuala Lumpur akan dilimpahkan tuah supaya terus makmur, maju dan berdaya saing.

**Selamat Hari Raya Aidil Adha,  
Selamat Tahun Baru Cina,  
& Selamat Menyambut Maal Hijrah 1427**

## Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah diajukan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-26917980 Faks: 03-269411373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

## Sidang Redaksi

**Penasihat:** Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan  
**Ketua Editor:** Tuan Hj. Salleh Bin Yusup  
**Editor:** Hanim Binti Hj. Hashim  
**Sub-Editor:** Nur Diana Bt Md Ghazali  
**Jurufoto:** Abd. Rhani Bin Md. Shohor

## dari muka depan

tahap bandar raya mampan sesebuah bandar raya perlu mencapai pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar untuk generasi masa kini dan generasi yang akan datang.

Ciri-ciri sebenar bandar raya mampan ialah seperti demografi dan statistik, perumahan, ekonomi bandar, utiliti dan infrastruktur, kemudahan masyarakat dan rekreasi alam sekitar, sosiologi dan impak sosial, gunatanah, rekabentuk bandar dan warisan, pengangkutan dan lalulintas serta pengurusan dan kewangan. Tahap kualiti hidup juga memainkan peranan penting untuk mencapai tahap bandar raya mampan.

Kepadatan penduduk di bandaraya disebabkan pertambahan penduduk setiap tahun. Petempatan melebihi 100 000 orang disebut bandar raya dan jika penduduk melebihi lima juta orang, petempatan berkenaan digelar bandar raya besar. Dengan ini, penduduk bandar raya ialah komponen utama proses bandar raya kerana penduduklah yang membentuk masyarakat bandar raya.

Kemampunan sesebuah masyarakat bandaraya dapat dikecapi sekiranya kualiti kehidupan di bandaraya tidak merosot berbanding dengan keadaan sebelumnya. Malah peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dan jika tidak pun mencapai tahap sempurna, terus terbuka bagi masyarakat kini dan generasi akan datang.

Perumahan amat penting untuk menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah. Justeru itu, kerajaan telah membina rumah-rumah kos rendah, kos sederhana dan rumah mewah, bergantung kepada pendapatan penduduk untuk memiliki atau menyewa. Pembinaan rumah berterusan adalah untuk memastikan permintaan bekalan rumah mencukupi. Harga rumah yang tinggi menyebabkan wujudnya kawasan setinggan bandar dan pembangunan bandar raya mampan sedang berusaha untuk mencapai setinggan sifar.

Kadar pengangguran di kawasan bandar raya akan dapat dikurangkan dengan adanya peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan dan perindustrian. Kemampuan kawasan bandar raya menyediakan peluang pekerjaan banyak bergantung kepada perkembangan bandar raya untuk menarik pelaburan. Adanya teknologi tinggi, maka peluang pekerjaan meningkat dengan keperluan kepada buruh terlatih. Terusnya masalah kemiskinan dan pengangguran dapat dikurangkan.

Bandar raya tetap meningkatkan permintaan pada alam sosial yang merangkumi perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan kesihatan,hiburan dan juga keselamatan. Peningkatan penduduk bandar raya akan menyebabkan berlaku persaingan untuk mendapatkan kemudahan sosial. Perkhidmatan kesihatan dapat dipert-

ingkatkan dengan kemudahan seperti ubat-ubatan bilangan katil, doktor dan sebagainya. Dengan ini, kualiti hidup dapat diperbaiki apabila kadar jenayah,pencerobohan sosial dan sebagainya dapat dikurangkan.

Pencemaran banyak berlaku di kawasan bandar raya seperti pencemaran air laut, sampah-sarap dan sebagainya. Bandar raya mampan juga menitikberatkan penjagaan alam sekitar walau bagaimanapun, perkembangan bandar raya telah membawa kepada peningkatan kenderaan bermotor. Sistem lalu lintas menjadi teruk dengan peningkatan jumlah kenderaan yang tidak seimbang dan dengan sistem jaringan jalan raya masa kini telah menyebabkan kesesakan lalulintas. Masalah yang berlaku boleh menjadikan kesihatan penduduk apabila ekosistem bandar raya kebanyakannya tumbuhan yang ditanam kemudian. Tumbuhan ini telah diperkenalkan kepada ekosistem bandar tanpa mengetahui kesesuaianya pada habitat buatan dan nilainya kepada estetik bandaraya. Ia amat bernilai kepada kawasan yang agak padat dengan penduduk kerana ia membentuk suatu persekitaran yang baik dari segi rekreasi, menurunkan suhu dan mengurangkan kebisingan.

Konsep pembangunan bandar raya mampan merupakan misi yang dibentuk untuk mensejahterakan kehidupan masyarakat di bandar. Pada abad ke-21 ini, pembangunan bandaraya di Malaysia menghadapi cabaran yang amat besar dari segi membantu masyarakat memiliki tahap kualiti hidup yang baik. Peningkatan kualiti hidup masyarakat secara langsung menjadi proses pembangunan bandaraya yang lebih mampan dan sejahtera.



Kuala Lumpur ibukota Malaysia yang pesat membangun - Gambar Berita Bandaraya